

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-3
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-87 di Surau Sg Nyior

“Kita berlindung dengan Allah, daripada ilmu yang tidak bermanfaat.” (Ibnu Majah)

KELEBIHAN DATANG KE MAJLIS ILMU

“Barangsiapa melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahkan Allah kepadanya jalan ke syurga.” (Muslim)

“Sesungguhnya malaikat itu membentangkan sayapnya kepada penuntut ilmu, tanda rela akan usahanya itu.” (Ahmad, Ibnu Hibban, Al-Hakim)

Tambahan :

“Satu bab daripada ilmu yang dipelajari seseorang, adalah lebih baik baginya daripada dunia dan isinya.” (Ibnu Hibban, Ibnu Abdul Birri)

“Bahawa sesungguhnya engkau berjalan pergi mempelajari satu bab daripada ilmu, adalah lebih baik daripada engkau melakukan solat 100 rakaat.” (Ibnu Abdul Birri)

HIKMAH AL-GHAZALI 2

“Berjalan ke akhirat serta banyaknya tipu daya tanpa penunjuk dan teman, adalah payah dan sukar. Maka penunjuk jalan itu ialah kaum ulama.”

Mengapa berjalan ke akhirat itu banyak tipu daya?

- Kerana Tuhan hendak menguji kita, sejauh mana kita menggunakan anugerah akal yang dikurniakan-Nya dengan cara yang benar.
- Kerana kita juga dikurniakan nafsu jahat yang berada di dalam diri kita dan kita bawa ke mana-mana. Tugas kita ialah untuk mengekangnya.
- Kerana memang kerja Iblis dan syaitan untuk memperdaya kita. Hari Kiamat semakin hampir. Maksudnya tempoh masa untuk Iblis hidup selesa semakin pendek. Selepas itu tidak ada sebarang kegembiraan buat dirinya lagi untuk selama-lamanya. Oleh itu semakin hampir tarikh luput, semakin aktiflah Iblis dan para pengikutnya bekerja memperdaya manusia. Kebetulan... kita berada pada zaman akhir berkenaan.

Mengapa kita perlukan penunjuk dan teman?

- Kerana penunjuk sama ada manusia ataupun alatan akan memudahkan, mengembirakan dan mempercepatkan perjalanan kita menuju ke akhirat dan seterusnya ke syurga, iaitu matlamat akhir kita.

- Kerana Tuhan suka kita bergerak sebagai satu kumpulan, bukannya secara bersendirian.
- Kerana teman yang soleh dapat membantu, menegur dan menyelamatkan kita ketika perlu.
- Tanpa teman, kita akan berseorangan dalam hutan rimba dunia yang penuh dengan binatang buas, haiwan berbisa, kedinginan, kegelapan, tumbuhan beracun dan sebagainya.

Mengapa penunjuk jalan itu para ulama?

- Kerana mereka lebih arif tentang selok-belok perjalanan ke akhirat, bekal-bekal yang mesti atau perlu dibawa, hukum-hukum sepanjang perjalanan dan sebagainya. Mereka juga lebih faham akan peta panduan yang ditinggalkan (iaitu kitab Al-Quran) dan pedoman-pedoman yang ditinggalkan oleh pengembara terulung (iaitu hadith-hadith Nabi Muhammad).

“Katakanlah, adakah sama antara orang-orang berilmu (para ulama) dengan orang-orang yang tidak berilmu?” (Az-Zumar : 9)

“Contoh-contoh itu Kami buat untuk manusia, dan tidak ada yang mengerti kecuali orang-orang yang berilmu.” (Al-‘Ankabut : 43)

“Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-Nya ialah ulama.”
(Fathir : 28)

“Maka bertanyalah kamu kepada ahli ilmu jika kamu tidak tahu.” (An-Nahl : 43)

“Para ulama itu adalah pewaris para nabi.” (Abu Daud, Turmizi)

4 BAHAGIAN KITAB IHYA’ ‘ULUMIDDIN

1. Bab ibadah
2. Bab aktiviti seharian
3. Bab perkara-perkara yang membinasakan kita.
4. Bab perkara-perkara yg menyelamatkan kita.

HIKMAH 3

“Aku akan buktikan kecenderungan manusia sekarang, jauh dari bentuk kebenaran. Tertipunya mereka dengan kilatan fatamorgana. Dan kepuasan mereka dengan kulit ilmu, tanpa isi.”

Mengapa manusia sekarang cenderung jauh dari kebenaran?

Kerana manusia terpedaya dengan keseronokan dunia yang tidak pasti.

Apa itu fatamorgana?

Fatamorgana ialah pemandangan yang menipu mata kita teutamanya ketika hari panas. Udara panas jadi seperti cermin. Kita seolah-olah terlihat kolam air , kota pasir ataupun objek-objek lain, tetapi apabila kita cuba menghampirinya, bayangan itu akan hilang.

Fatamorgana boleh berlaku di padang pasir, jalan raya, lautan, padang air batu dan lain-lain.

Asal perkataan 'fatamorgana' dari bahasa Itali 'Fata Morgana' (Fairy Morgana) yang bermaksud 'Morgana Si Ahli Sihir'. Morgana ialah seorang wanita ahli sihir yang bijak menipu dan boleh bertukar-tukar rupa.

Apa itu kulit ilmu, tanpa isi?

Ilmu sebagai perhiasan. Ilmu sebagai alat untuk mencapai tujuan-tujuan keduniaan, tidak perlu kepada penghayatan .

Mengapa manusia berpuas hati dengan kulit ilmu?

Kerana kulit ilmu itu sudah memuaskan matlamat keduniaan mereka.
Kerana pandangan mereka tidak sejauh alam akhirat.

DUA JENIS ILMU MENUJU AKHIRAT

1. Ilmu mukasyafah
2. Ilmu mu'ammalah

Apa itu ilmu mukasyafah?

Ilmu kasyaf. Ilmu ini ialah ilmu yang tinggi, yang sukar dijelaskan dengan perkataan, tulisan, isyarat dan lain-lain. Para nabi menyampaikan ilmu mukasyafah secara rumus dan isyarat sahaja, yang merupakan contoh dan kesimpulan.

Apa itu ilmu mu'ammalah?

Ilmu yang mesti diamalkan.

Ada berapa jenis ilmu mu'ammalah?

Ada dua:

1. Ilmu zahir – iaitu ilmu tentang amal anggota badan.
2. Ilmu batin – iaitu ilmu tentang amal hati.

Ilmu mu'ammalah ini merupakan jalan kepada ilmu mukasyafah.

Kitab Ihya' ini bertemakan ilmu mu'ammalah, bukan ilmu mukasyafah.

ULANGKAJI DI RUMAH

Berdasarkan 3 kali kuliah Syarah Ihya', sepatutnya kita sudah boleh menjawab soalan-soalan berikut:

Apakah maksud 'Ihya' 'Ulumidin?

Maksudnya 'Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama'.

Siapakah pengarang kitab Ihya' 'Ulumiddin?

Imam al-Ghazali.

Apakah gelarannya?

Hujjatul Islam.

Apakah nama penuh Imam Ghazali?

Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali.

Sebutkan 2 karya Imam Ghazali.

.....

Siapakah Muhammad bin Tumart?

.....

Siapakah nama adik Imam Ghazali?

Ahmad.

Apakah kelebihan2 datang ke majlis ilmu?

1. Dimudahkan Allah jalan ke syurga.
2. Malaikat bentangkan sayapnya kepada kita, tanda suka.
3. Belajar 1 bab ilmu, lebih baik drpd dunia dan isinya.
4. Pergi belajar 1 bab drpd ilmu, lebih baik drpd solat sunat 100 rakaat.

Ada berapa jenis pujian? Empat jenis:

1. Tuhan puji Tuhan (DiriNya sendiri)
2. Tuhan puji makhluk.
3. Makhluk puji Tuhan.
4. Makhluk puji makhluk.

Ada berapa bahagian kitab Ihya'? Empat bahagian:

1. Bab 'ibadah.
2. Bab aktiviti seharian
3. Bab perkara-perkara yang membinasakan kita di dunia dan di akhirat.
4. Bab perkara-perkara yang menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat